

**SINOPSIS KURSUS-KURSUS
SARJANA MUDA PENDIDIKAN [PENDIDIKAN PRASEKOLAH]**

KURSUS TERAS PUSAT PENGAJIAN

PGA 101/3 Pelajar dan Keperluan Pembelajaran

Kursus ini memperkenalkan konsep-konsep psikologi dan keperluan-keperluan asas dalam proses pembelajaran di sekolah. Perkembangan diri pelajar dan faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran dan proses pembelajaran serta cara mengendali tuntutan-tuntutan untuk menjadikan pembelajaran berlaku dengan maksimum adalah menjadi fokus perbincangan dalam kursus ini. Penekanan diberi kepada keterampilan memahami ciri-ciri pelajar dan keperluan pembelajaran, suasana pembelajaran, perkaitan pembelajaran dengan kematangan kognitif dan asas-asas psikososial dalam pembelajaran. Pengajaran kursus ini akan dijalankan secara penyelesaian masalah (PBL) menggunakan masalah-masalah yang autentik. Tema-tema berkaitan dengan keperluan pelajar yang melibatkan domain kognitif seperti teori-teori pembelajaran, gaya pembelajaran, kemahiran pelajar, motivasi pembelajaran dan pencapaian akademik ditampilkan dalam kursus ini.

PGA 102/3 Perkembangan Intrapersonal dan Interpersonal Remaja

Kursus ini bertujuan memberi pemahaman tentang perkembangan psikologi pelajar dalam lingkungan umur remaja dan masalah-masalah yang mereka hadapi dari segi fizikal, spiritual, emosi dan jasmani. Proses penyuburan, perwatakan, pembentukan tingkahlaku, personaliti dan konsep diri akan dibincangkan. Aspek-aspek perhubungan di antara remaja, pengaruh rakan sebaya, tingkah laku positif atau devien serta perkembangan psikososial pelajar juga akan dibincangkan. Kesensitifan remaja terhadap perbezaan jenis (gender) serta cara-cara mereka menyesuaikan diri sebagai remaja dan dewasa adalah aspek yang akan diperhalusi dalam kursus ini. Selain itu pelajar diberikan kemahiran asas bimbingan dan kaunseling sebagai persediaan untuk membolehkan mereka memberi bantuan penasihat kepada murid di sekolah.

PGT 202E/3 Basic Educational Measurement and Evaluation

This course introduces the basic concepts related to the evaluation and measurement of formal learning in the classroom. The focus of this course is on the construction, analysis, interpretation and improvement of objective and subjective tests, besides dealing also with the evaluation of test items. Students need to display their mastery and skills in the evaluation and measurement of formal learning through the completion of individual assignments.

PGT203/3 Kemahiran Komunikasi Dan Interpersonal Guru

Kursus ini bertujuan membina kemahiran berkomunikasi yang baik dalam pelbagai konteks di sekolah, di antara guru sesama guru, guru dengan pelajar, guru dengan pentadbir sekolah, guru dengan ibu bapa dan pihak-pihak lain yang ada hubungan dan kaitan dengan sekolah. Ciri-ciri interpersonal yang sesuai untuk tugas sebagai guru dan pendidik, serta sikap yang positif dan proaktif terhadap perubahan-perubahan dalam pendidikan akan dibincangkan. Fokus kursus adalah untuk membentuk guru yang berketrampilan berkomunikasi dari perspektif:

- (a) kemahiran interpersonal
- (b) pembinaan kepimpinan dan jati diri
- (c) pembinaan personaliti

Latihan-latihan bercorak aktiviti berinteraksi dalam kumpulan akan dikendalikan sebagai tugas utama dalam kursus ini.

PGM221/4 Teori-Teori Pembelajaran Kognitif

Kursus ini bertujuan memberi pengetahuan mengenai teori-teori pembelajaran yang utama seperti behaviouris, kognitivistik, dan konstruktivistik. Ia juga akan mencakupi kajian-kajian baru tentang proses ingatan (*imagery*) and analitik (*semantic*), perhatian (*attention*) dan faktor-faktor yang mempengaruhinya. Kajian ahli-ahli psikologi Gestalt, Piaget, Skinner, Bruner, Ausubel dan lain-lain tentang penaggapan (*reasoning*) dan perkembangannya serta konsep-konsep psikologi dalaman yang diperkenalkan oleh Freud, Jung, Adler dan teori-teori pembelajaran kognitif akan dibincangkan.

PGT219/3 Pengantar Kaedah Mengajar Ilmu Kemanusiaan

Kursus ini memberi pemahaman tentang aspek-aspek utama pendekatan mengajar mata pelajaran kemanusiaan, iaitu bahasa, sejarah, geografi, kesusasteraan, ekonomi, perdagangan dan perakaunan. Kuliah dan latihan amali akan dijalankan bagi melatih bakal guru dalam teknik-teknik asas mengajar, seperti memulakan pengajaran, menyampaikan isi pelajaran, menyoal, menggunakan alat bantuan mengajar, mempelbagaikan rangsangan, menilai pembelajaran dan menyemak ujian. Aspek perancangan pengajaran seperti menulis rancangan pelajaran dan membuat perancangan jangka panjang juga akan dibincangkan. Pelbagai kaedah dan strategi mengajar seperti kaedah inkuiri, PBL, kajian lapangan, main peranan, pembelajaran koperatif dan lain-lain akan didedahkan kepada pelajar. Penerapan nilai-nilai murni dalam pengajaran akan juga dibincangkan. Konsep penggabungan dalam KBSM adalah aspek yang juga akan diberi perhatian dalam kursus ini.

PPG210E/3 General Science Teaching Methods I

The aims and purpose of science education in Malaysia will be discussed. Trainee teachers will be equipped with the knowledge and skills to teach science using methods of teaching such as inquiry, discovery, cooperative learning, role play, PBL, discussion and field study project. Micro teaching will be used as part of the procedure to train trainee teachers in teaching techniques in introduction of lesson, presentation of lesson, questioning techniques, use of teaching aids, inculcation of moral values into the lesson, evaluation of lesson and response to questions. Management of science laboratories is also given emphasis.

PGT302/2 Kemahiran Kepimpinan Guru

Kursus ini bertujuan membina ciri-ciri kepimpinan dalam diri pelajar untuk menyediakan mereka menghadapi tanggungjawab sebagai guru yang dinamik dan berpotensi membawa perubahan. Bahagian awal kursus ini akan dikendalikan dalam bentuk kuliah dan perbincangan, dan diikuti dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti-aktiviti kepimpinan yang akan dirancang. Perkembangan program latihan kepimpinan ini diasaskan kepada 4 teori sosial, iaitu "*Social Influence Theory*" (untuk meningkatkan kemahiran sosial dan kognitif), "*Social Inoculation theory*" (*teaching to appreciate colour, class, character and context as well as the need to have confidence, courage, commitment, and conflict resolution skills and appreciation for their community*), "*Social Learning Theory*" (yang menekankan keperluan menggunakan kemahiran sosial untuk menyelesaikan masalah) dan "*Cognitive Behaviour Theory*" (*to help them see the relationship between thinking and doing, behavior and consequence*). Aspek-aspek kemahiran kepimpinan yang akan ditekankan ialah: (i) *negotiation skills*, (ii) pengurusan pelbagai tingkahlaku, personaliti dan sifat manusia, (iii) kemahiran berkomunikasi dan interaksi, (iv) nilai dan etika kerja, termasuk ketaatan (*loyalty*), tanggungjawab, hormat, bermaruah, '*selfless service*', '*personal courage*', integriti dan lain-lain. Pelajar akan dinilai berdasarkan kebolehan mereka mengendalikan aktiviti-aktiviti kepimpinan dalam pendidikan.

PGT303/3 Pengantar Penyelidikan & Kajian Tindakan

Kursus terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama terdiri daripada komponen yang memberi kefahaman kepada pelajar tentang konsep asas menjalankan penyelidikan pendidikan. Kandungan kursus dalam bahagian ini meliputi pengetahuan tentang konsep asas penyelidikan dan jenis-jenisnya, proses penyelidikan, kaedah-kaedah penyelidikan sama ada secara kualitatif ataupun kuantitatif. Metodologi penyelidikan yang berkaitan dengan kedua-dua pendekatan ini juga dibincangkan. Selain itu, konsep pemboleh ubah, teknik pensampelan, pembinaan alat ukur dan analisis data secara mudah akan dibincangkan. Bahagian kedua adalah berkaitan dengan kajian tindakan: falsafah, konsep dan kepentingan kajian tindakan akan diperhalusi. Penekanan diberikan kepada tujuan kajian tindakan iaitu untuk membuat muhasabah diri guru dan memeriksa amalan kerja secara inkuiri dan sistematik. Matlamat mengamalkan kajian tindakan adalah untuk meningkatkan keberkesanan amalan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah, agar guru lebih memahami amalan yang dilakukannya dan berupaya menambahkan situasi amalan tersebut.

Kursus ini juga akan mendedahkan pelajar tentang kronologi sejarah perkembangan kajian tindakan (di Malaysia dan global), prinsip-prinsip dan ciri-ciri kajian tindakan. Pendekatan-pendekatan menjalankan kajian tindakan juga diutarakan dengan memberi kefahaman kepada pelajar setiap peringkat dalam satu kitaran proses kajian tindakan – mengenalpasti masalah, membuat keputusan, membuat perancangan, melaksanakan tindakan, pengumpulan dan menganalisis data, membuat refleksi dan keputusan berdasarkan data yang diperolehi. Setiap peringkat ini akan dibincangkan dengan terperinci dan pemahaman dalam setiap peringkat ini akan membolehkan pelajar menjalankan projek kajian tindakan secara percubaan. Disamping itu, kursus ini juga menyentuh perbandingan antara kajian tindakan dengan kajian-kajian ilmiah yang lain. Amalan refleksi dapat mempertingkatkan perkembangan iktisad guru serta isu-isu, trend, etika dan pemasalahan dalam menjalankan kajian tindakan di sekolah dan bilik darjah.

PGT432E/3 Information and Communication Technology in Education

This course introduces the application of ICT in education. The focus will be on the principles and techniques of design, construction and evaluation of ICT teaching-learning materials, specifically interactive multimedia CAI and educational websites. At the end of this course prospective teachers will be skilled in the use of ICT to increase the quality of the teaching and learning process. Issues such as instructional design and the application of computer skills in the development of multimedia software will be discussed.

KURSUS TERAS PROGRAM

PPS 111/3 Falsafah Pendidikan Awal Kanak-kanak

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang konsep falsafah pendidikan awal kanak-kanak dan bagaimana pemikiran dan pandangan beberapa tokoh falsafah seperti Froebel, Dewey, Montessori, Piaget, Imam Ghazali dan sebagainya telah mempengaruhi pembentukan model-

model dan program-program pendidikan awal kanak-kanak. Falsafah Pendidikan Awal Kanak-kanak di Malaysia serta Akta Pendidikan yang berkaitan dengannya akan dibincang. Beberapa program pendidikan awal kanak-kanak di negara lain dan falsafah asasnya akan dibincang untuk mendapat pandangan yang luas. Program-program khas seperti Program Headstart untuk kanak-kanak yang kurang bernasib baik juga akan dibincangkan. Pengendalian kursus ini ialah melalui kuliah, perbincangan dan pembentangan seminar.

PPS 112/4 Kurikulum Dan Pengajaran Prasekolah

Kursus ini adalah bertujuan untuk memberi kefahaman kepada pelajar tentang prinsip-prinsip dan asas-asas penggubalan dan pembentukan Kurikulum Prasekolah Malaysia (1993, 1998 dan 2001); Falsafah Pendidikan Negara dan hubungannya dengan Pendidikan Prasekolah, konsep dan matlamat Pendidikan Prasekolah Malaysia, teori-teori pengajaran-pembelajaran kanak-kanak dan analisis kurikulum Prasekolah Malaysia yang terdiri daripada enam bidang pengalaman (2001) iaitu Bahasa dan Komunikasi, Perkembangan Kognitif, Kerohanian dan Moral, Perkembangan Sosioemosi, Perkembangan Fizikal dan, Kreativiti dan Estetika; dan faktor-faktor keberkesanan pelaksanaan kurikulum akan difokuskan. Kursus ini akan dilaksanakan melalui kuliah, tutorial, bengkel dan persembahan

PPS 113/4 Psikologi Perkembangan Kanak-Kanak

Kursus ini membantu pelajar dalam meneroka ilmu pengetahuan dan membina pemahaman mengenai proses pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak dari sejak lahir hingga akhir kanak-kanak. Ia juga akan mengaitkan perkara ini dengan proses pembelajaran kanak-kanak. Fokus utama kursus ialah dalam tiga aspek perkembangan iaitu: perkembangan fizikal, psikososial dan kognitif. Penekanan khas diberikan kepada perkembangan kanak-kanak dari umur 5 tahun hingga 12 tahun. Pegangan utama dalam kursus ini ialah bahawa “setiap kanak-kanak adalah berbeza”. Teori-teori yang relevan mengenai teori perkembangan kanak-kanak dan faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan dan ciri-ciri penting aspek perkembangan kanak-kanak akan dibincangkan dalam kursus ini.

VLP 101/3 Asas Lakonan

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang asas-asas persiapan seorang pelakon. Perkara-perkara yang disentuh termasuk aspek-aspek pengenalan diri, pengenalan ruang dan interaksi bersama teman dan peralatan. Tujuan utama kursus ini ialah untuk menghilangkan rasa ‘malu’ dan membuka minda ‘terkongkong’ pelajar agar mereka dapat meneroka diri dan alam secara terbuka dan kreatif.

VLP 114/4 Drama Dan Teater Pendidikan

Kursus ini merangkumi bahagian teori dan amali. Kurikulumnya memberi penegasan kepada kegiatan teater di kalangan remaja terutama di peringkat sekolah. Bahagian teori meninjau falsafah dan tujuan teater pendidikan dari sudut pedagogi, kreativiti dan psikologi pelajar sebagai penonton serta pembikin teater. Di samping itu meninjau drama dan teater sebagai kaedah pengajaran di sekolah. Kesusasteraan, seni tempatan serta unsur-unsur muzik, gerak dan dialog di dalam persembahan dikaji untuk dijadikan bahan bagi mengendalikan kegiatan teater pendidikan. Manakala bahagian amali meneliti unsur-unsur produksi teater kanak-kanak melalui improvisasi, permainan, situasi kehidupan sebenar, muzik, gerak dan dialog.

PPS 210/3 Matematik Untuk Pendidikan Awal Kanak-Kanak

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar mengenai pentingnya pemahaman awal kanak-kanak tentang konsep-konsep dan kemahiran asas matematik. Topik-topik yang akan dibincangkan meliputi: peneguhan konsep asas matematik melalui aktiviti harian dan permainan (contohnya konsep pranombor, ruang, ukuran, masa, konsep nombor asas 0-9, asas unit 10, konsep lebih, kurang, sama banyak, dan lain-lain); penguasaan kemahiran asas matematik (misalnya membaca dan menulis simbol, membilang, mengenal pola, hubungan dan ukuran, dan operasi mudah seperti menambah dan menolak). Pendekatan pengajaran yang berasaskan tema kehidupan harian dan ‘belajar secara riang’ akan ditekankan. Integrasi teori-teori pembelajaran dan penggunaan komputer untuk memupuk kefahaman dan minat kanak-kanak dalam matematik juga akan dibincangkan.

PPS 211E/3 Preschool Science and Health Education

This course will give students an understanding of science, health and environmental knowledge which need to be learned by preschoolers. Science education especially is important to stimulate the spirit of inquiry and interest to investigate amongst children. Through hands-on activities and experiments, scientific concepts such as natural phenomena (rain, clouds, earth, moon and stars), living things (plants and animals), non-living things (stones, soil, air, light, sound), and technological tools (machines, magnets); as well as issues related to the environment like recycling and pollution will be investigated. Students will also be exposed to methods of teaching parts of the body, health care as well as maintaining a healthy lifestyle. Scientific attitudes and skills will be assimilated through activities conducted throughout the course.

PPS 212/4 Pengajaran Kemahiran Berbahasa dan Menulis Di Peringkat Prasekolah

Bahasa menjadi syarat utama ke arah pembinaan literasi. Kanak-kanak yang mahir dan dapat menguasai bahasa selalunya cepat cerdas dan pintar berbahasa. Bahasa boleh mempercepatkan penguasaan literasi (literasi pemikiran dan literasi keluarga). Kanak-kanak yang boleh berbahasa kaya dengan pertimbangan akal dan budi. Melalui kursus ini pelajar akan diperkenalkan dengan berbagai-bagai teknik bercerita, mendengar rakaman dan bernyanyi. Pantun kanak-kanak, syair, perpatah dan bahasa adab juga akan digunakan sebagai ransangan berbahasa. Kursus ini juga akan memberi tumpuan kepada teori, konsep dan kefahaman tentang berfikir, berkomunikasi, pengayaan berbahasa, menulis yang akan diperkenalkan lebih bertumpu kepada penguasaan awal abjad dan kata (huruf, abjad, ejaan, sebutan dan bacaan awal), pasangan kata dan makna, kesatuan kata dan kesinambungan idea dan makna. Berikutnya beberapa pendekatan, kaedah dan teknik (kaedah permainan, tunjukcara, lakonan dan sosio-drama) pengajaran bahasa dengan tumpuan kepada kemahiran menulis. Kanak-kanak yang boleh menulis didapati lebih matang jika dibandingkan dengan kanak-kanak biasa. Ini kerana kemahiran menulis merupakan kemahiran yang tertinggi dalam semua kemahiran bahasa.

PPG 213/4 Pendidikan Islam, Moral dan Kerohanian Peringkat Awal Kanak-Kanak

Kursus ini akan menyediakan pelajar di dalam bidang pendidikan Islam atau Moral dan Kerohanian untuk mengajar peringkat prasekolah. Pelajar akan memilih salah satu bahagian dari kursus ini sama ada Bahagian Pendidikan Islam atau Bahagian Pendidikan Moral dan Kerohanian.

i) Pendidikan Islam

Pelajar akan menghayati antara lain asas ulum syari'ah yang terdiri dari aqidah, ibadat, sirah Rasullullah s.a.w dan asas akhlak Islamiah. Seterusnya pelajar akan dapat menguasai asas tilawah Al-Quran seperti menyebut huruf Al-Quran, menghafaz, melafaz serta menghayati makna surah-surah pendek dan doa pendek untuk kehidupan seharian. Pelajar akan mengenal pasti situasi-situasi dan bahan pengajaran yang sesuai untuk mempraktikkan asas ulum syari'ah.

ii) Pendidikan Moral dan Kerohanian

Pelajar yang mengikuti Bahagian ini akan mengakui dan menghayati bahawa aspek emosi dan kerohanian adalah yang paling ditekankan di dalam Pendidikan Moral dan Kerohanian demi untuk memupuk, menghayati dan mengamalkan nilai-nilai murni di kalangan kanak-kanak prasekolah. Nilai-nilai murni yang ditekankan adalah enam belas: iaitu ketuhanan, baik hati, berdikari, hemah tinggi, kerjasama, kelebihan fizikal dan mental, keberanian, kejujuran, keadilan, kerajinan, kesyukuran, semangat bermasyarakat, rasional, kasih sayang dan hormat.

Pelajar akan dapat mengenal pasti situasi-situasi dan bahan pengajaran yang sesuai untuk mempraktikkan nilai-nilai murni ini di dalam situasi pengajaran prasekolah.

PPS 214E/4 Teaching English Language Skills

The objective of this course is to help students acquire the skills to teach the English language as a second language to preschoolers. Besides this, students will be exposed to English as a second language teaching theories and methods of teaching children to master the skills of listening to, speaking, reading, and writing the English language.

PPS 321/3 Sastera Kanak-Kanak Dan Bacaan Awal

Kursus ini membincangkan panduan yang menyeluruh bagi pendidik yang berhasrat mempelajari bagaimana hendak menggunakan buku kanak-kanak dengan berkesan dalam program-program pendidikan awal kanak-kanak. Topik-topik penting tentang cara memilih buku yang sesuai dan memotivasikan kanak-kanak untuk sama-sama menghayati pengalaman dimasukkan di samping mengintegrasikan kesusasteraan sebagai sebahagian penting pendidikan dalam semua bidang kurikulum. Selain itu kursus ini juga berusaha memupuk dan menggalakkan rasa cinta serta memahami kesusasteraan.

PPG 322/3 Pendidikan Tatanegara dan Budaya Untuk Kanak-Kanak

Kursus ini bertujuan memperkenalkan konsep tatanegara dan budaya kepada pelajar dan bagaimana mengaplikasikan ciri-ciri berikut dalam amalan harian sebagai warganegara dalam masyarakat majmuk. Disamping itu pelajar diberi pendedahan tentang fungsi institusi yang memainkan peranan untuk menjamin kestabilan dan kesejahteraan hidup anggota masyarakat berbilang kaum. Pelajar akan diberi latihan kemahiran dalam merancang dan membina pelbagai aktiviti yang bersesuaian untuk membolehkan mereka mencerap ilmu dan nilai dalam jiwa kanak-kanak yang hidup dalam masyarakat pelbagai budaya.

PPK 201/3 Pengesanan, Diagnosis dan Penilaian Kanak-Kanak

Kursus ini bertujuan memberi pengetahuan dan kemahiran tentang pendekatan-pendekatan diagnosis dan penilaian dalam pendidikan kanak-kanak dan remaja yang mempunyai keperluan khas. Pengetahuan dan kemahiran asas dalam membuat pengesanan (*screening*), diagnosis dan penilaian bagi mengenalpasti dan menentukan masalah atau ketidakupayaan kanak-kanak dan remaja adalah amat penting bagi guru-guru pendidikan khas agar rawatan dan intervensi yang sesuai dapat dirancang. Dalam kursus ini hanya penilaian yang bercorak keperluan dari segi pendidikan dan pembelajaran akan ditekankan. Beberapa penilaian yang bersifat klinikal akan dipilih dan dikemukakan. Fokus adalah kepada penilaian domain-domain yang akan mempengaruhi pembelajaran. Bakal pendidik juga akan dilengkapi dengan pengetahuan tentang prosedur-prosedur dan instrumen-instrumen yang biasa digunakan untuk menjalankan pengujian terhadap pelbagai jenis ketidakupayaan. Kedua-dua komponen teori dan amali akan ditegaskan dalam kursus ini.

PPS 390/6 Praktikum

Praktikum ini akan dijalankan di pusat-pusat prasekolah yang ditetapkan oleh Pusat Pengajian. Pelajar dikehendaki memenuhi keperluan menjalani latihan mengendalikan pengajaran dan bimbingan kanak-kanak semasa semester ketujuh. Pelajar diperlukan mengaplikasikan aspek-aspek teori yang telah dipelajari dan melaksanakan tugas-tugas membimbing kanak-kanak di prasekolah. Pelajar juga dikehendaki membuat projek (kajian tindakan) dan laporan itu akan

digredkan. Seorang penyelia akan ditugaskan untuk membimbing pelajar dengan dibantu oleh pusat prasekolah berkenaan. Pelajar perlu menunjukkan kreativiti dan sumbangan inovatif dalam pelaksanaan praktikum ini.

PPS 431/3 Pentadbiran Dan Pengurusan Prasekolah

Kursus ini dirancang untuk membekalkan para pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran asas untuk mengurus dan mentadbir sesebuah organisasi pendidikan prasekolah dengan efisien dan berkesan. Topik-topik yang akan dibincangkan termasuklah teori-teori pengurusan dan pentadbiran organisasi, fungsi dan aspek pengurusan dan pentadbiran, beberapa kemahiran asas (teknikal, kemanusiaan dan konseptual) yang perlu ada pada seseorang pengurus prasekolah.

Di samping itu akan disentuh juga aspek polisi, perundangan dan peraturan mengurus dan menubuhkan sesebuah prasekolah, pengurusan sumber seperti kewangan, guru-guru dan kanak-kanak, pengurusan ruang fizikal pembelajaran dan prasarana sekolah, aspek keselamatan prasekolah, pengurusan masa, aspek perhubungan antara pihak pengurusan prasekolah dengan ibu bapa/komuniti dan agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang terlibat dengan pembangunan program prasekolah.

PPS 432/3 Kepelbagaian Kecerdasan

Kursus ini membincangkan kepelbagaian kecerdasan yang ada pada diri seseorang kanak-kanak. Kaedah serta strategi pengajaran sebagai satu cara penyuburan kecerdasan tersebut untuk tujuan perkembangan potensi yang maksimum akan disentuh secara terperinci. Selain daripada itu, konsep serta aspek-aspek penting dalam teori kepelbagaian kecerdasan akan dibincangkan dan analisis setiap satu daripada lapan kecerdasan tersebut berdasarkan teori kepelbagaian kecerdasan Howard Gardner (1983) akan dilaksanakan. Aktiviti yang sesuai serta rekod perkembangan kecerdasan kanak-kanak juga disentuh.

PPS 433/3 Kanak-kanak, Keluarga Dan Komuniti

Kursus ini memperkenalkan kepentingan hubungan baik di antara pusat prasekolah dengan ibu bapa untuk memaksimumkan potensi dan pembelajaran kanak-kanak. Berbagai strategi dapat diwujudkan untuk tujuan ini. Tidak kurang pentingnya ialah hubungan prasekolah dan kanak-kanak dengan masyarakat.

PPS 215/4 Pendidikan Komputer Untuk Kanak-kanak

Kursus ini terbahagi kepada dua fokus utama, teori dan praktik. Pelajar akan diperkenalkan kepada isu-isu utama dalam pendidikan komputer untuk kanak-kanak termasuklah aktiviti komputer yang bersesuaian dengan kanak-kanak, penyelidikan tentang kesan penggunaan komputer terhadap perkembangan kanak-kanak. Kursus ini juga memberi pendedahan kepada konsep-konsep asas teknologi komputer, integrasi komputer dengan kurikulum prasekolah, teori-teori pembelajaran berkaitan penggunaan komputer untuk kanak-kanak dan penilaian perisian komputer. Seterusnya, kursus ini juga memberi pendedahan kepada pelajar tentang sejarah perkembangan komputer dan rangkaian komunikasi global melalui komputer. Aspek praktik kursus ini fokus kepada merangka strategi pengajaran dan pembelajaran menggunakan komputer yang berkesan. Strategi pengajaran dan pembelajaran adalah berasaskan masalah (problem based learning) mengikut mata pelajaran yang diajar diperingkat prasekolah.

PPK 433/3 Pelajar Pintar Cerdas Dan Berbakat

Bakal pendidik akan diberi pengetahuan mengenai konsep dan definisi kanak-kanak pintar cerdas dan berbakat; teori-teori kecerdasan seperti teori kepelbagaian kecerdasan (*multiple intelligence*); *nature and nurture*, kecerdasan dan bakat; penilaian untuk mengenalpasti kanak-kanak tersebut; model pengajaran dan praktik merancang serta mengimplementasi strategi-strategi untuk mengembangkan kecerdasan murid pintar cerdas dan berbakat ini; mengubahsuai dan memadankan kurikulum dan pengajaran dengan keperluan murid dalam kategori ini; membina persekitaran yang sesuai dan kondusif untuk mereka; mengenali gaya belajar serta minat mereka. Aspek-aspek seperti *transfer and transition* dari satu peringkat ke peringkat pendidikan yang lebih tinggi juga dibincangkan.

PGM 311/4 Pembelajaran Melalui Seni Kreatif

Kursus ini merangkumi tiga komponen seni kreatif iaitu pergerakan kreatif, dramatika kreatif dan pendidikan seni halus sebagai alat-alat pengajaran akademik. Bidang-bidang tertentu seperti bahasa, matematik, sains, kajian tempatan, seni halus (seperti muzik dan lukisan) dapat dijadikan tema-tema pengajaran untuk mewujudkan pembelajaran kreatif.

PPK 332/4 Pendidikan Khas Peringkat Awal Kanak-kanak

Kursus ini memberi pengetahuan tentang kepentingan memulakan program pendidikan khas di peringkat awal kanak-kanak lagi iaitu di peringkat umur 3-12 tahun. Rasional, ciri-ciri, model dan program-program intervensi awal bagi kanak-kanak yang mempunyai keperluan khas akan dibincang dan dihuraikan dalam kursus ini. Tajuk-tajuk lain termasuklah teknik pengesanan dan penilaian perkembangan kanak-kanak prasekolah; isu-isu dalam penilaian awal; penglibatan ibubapa dan profesional lain dalam program, perancangan dan pelaksanaan kurikulum; proses pengajaran-pembelajaran untuk meningkatkan kemahiran dalam pelbagai domain perkembangan kanak-kanak, peralihan dari prasekolah (tadika) ke sekolah biasa, dan penilaian program. Aspek-aspek lain yang dicakupi ialah teknologi bantuan dan suaian, strategi intervensi untuk kanak-kanak keperluan khas, kerjasama dengan ibu bapa, keluarga dan ahli profesional.

PPS 434/4 Projek

Kursus ini ditawarkan untuk pelajar yang ingin menerokai dengan lebih mendalam sesuatu komponen pendidikan prasekolah. Projek ini melibatkan sama ada pembangunan sesuatu program dalam bentuk modul atau perisian untuk pelaksanaan di peringkat prasekolah; ataupun pengujian sesuatu intervensi untuk menangani masalah yang telah dikenalpasti. Projek ini ialah kerja individu yang asli atau menggunakan program sedia ada yang telah diubahsuai mengikut keperluan kanak-kanak yang terlibat. Seorang penyelia akan dilantik untuk membimbing pelajar dalam menjalankan projek berkenaan.

**SINOPSIS KURSUS-KURSUS
SARJANA MUDA PENDIDIKAN [PENDIDIKAN KHAS]**

KURSUS TERAS PUSAT PENGAJIAN

PGA 101/3 Pelajar dan Keperluan Pembelajaran

Kursus ini memperkenalkan konsep-konsep psikologi dan keperluan-keperluan asas dalam proses pembelajaran di sekolah. Perkembangan diri pelajar dan faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran dan proses pembelajaran serta cara mengendali tuntutan-tuntutan untuk menjadikan pembelajaran berlaku dengan maksimum adalah menjadi fokus perbincangan dalam kursus ini. Penekanan diberi kepada keterampilan memahami ciri-ciri pelajar dan keperluan pembelajaran, suasana pembelajaran, perkaitan pembelajaran dengan kematangan kognitif dan asas-asas psikososial dalam pembelajaran. Pengajaran kursus ini akan dijalankan secara penyelesaian masalah (PBL) menggunakan masalah-masalah yang autentik. Tema-tema berkaitan dengan keperluan pelajar yang melibatkan domain kognitif seperti teori-teori pembelajaran, gaya pembelajaran, kemahiran pelajar, motivasi pembelajaran dan pencapaian akademik ditampilkan dalam kursus ini.

PGA 102/3 Perkembangan Intrapersonal dan Interpersonal Remaja

Kursus ini bertujuan memberi pemahaman tentang perkembangan psikologi pelajar dalam lingkungan umur remaja dan masalah-masalah yang mereka hadapi dari segi fizikal, spiritual, emosi dan jasmani. Proses penyuburan, perwatakan, pembentukan tingkahlaku, personaliti dan konsep diri akan dibincangkan. Aspek-aspek perhubungan di antara remaja, pengaruh rakan sebaya, tingkah laku positif atau devien serta perkembangan psikososial pelajar juga akan dibincangkan. Kesensitifan remaja terhadap perbezaan jenis (gender) serta cara-cara mereka menyesuaikan diri sebagai remaja dan dewasa adalah aspek yang akan diperhalusi dalam kursus ini. Selain itu pelajar diberikan kemahiran asas bimbingan dan kaunseling sebagai persediaan untuk membolehkan mereka memberi bantuan penasihat kepada murid di sekolah.

PGT 202E/3 Basic Educational Measurement and Evaluation

This course introduces the basic concepts related to the evaluation and measurement of formal learning in the classroom. The focus of this course is on the construction, analysis, interpretation and improvement of objective and subjective tests, besides dealing also with the evaluation of test items. Students need to display their mastery and skills in the evaluation and measurement of formal learning through the completion of individual assignments.

PGT203/3 Kemahiran Komunikasi Dan Interpersonal Guru

Kursus ini bertujuan membina kemahiran berkomunikasi yang baik dalam pelbagai konteks di sekolah, di antara guru sesama guru, guru dengan pelajar, guru dengan pentadbir sekolah, guru dengan ibu bapa dan pihak-pihak lain yang ada hubungan dan kaitan dengan sekolah. Ciri-ciri interpersonal yang sesuai untuk tugas sebagai guru dan pendidik, serta sikap yang positif dan proaktif terhadap perubahan-perubahan dalam pendidikan akan dibincangkan. Fokus kursus adalah untuk membentuk guru yang berketrampilan berkomunikasi dari perspektif:

- (d) kemahiran interpersonal
- (e) pembinaan kepimpinan dan jati diri
- (f) pembinaan personaliti

Latihan-latihan bercorak aktiviti berinteraksi dalam kumpulan akan dikendalikan sebagai tugas utama dalam kursus ini.

PGM221/4 Teori-Teori Pembelajaran Kognitif

Kursus ini bertujuan memberi pengetahuan mengenai teori-teori pembelajaran yang utama seperti behaviouris, kognitivis, dan konstruktivis. Ia juga akan mencakupi kajian-kajian baru tentang proses ingatan (*imagery*) and analitik (*semantic*), perhatian (*attention*) dan faktor-faktor yang mempengaruhinya. Kajian ahli-ahli psikologi Gestalt, Piaget, Skinner, Bruner, Ausubel dan lain-lain tentang penanggapan (*reasoning*) dan perkembangannya serta konsep-konsep psikologi dalaman yang diperkenalkan oleh Freud, Jung, Adler dan teori-teori pembelajaran kognitif akan dibincangkan.

PGT219/3 Pengantar Kaedah Mengajar Ilmu Kemanusiaan

Kursus ini memberi pemahaman tentang aspek-aspek utama pendekatan mengajar mata pelajaran kemanusiaan, iaitu bahasa, sejarah, geografi, kesusasteraan, ekonomi, perdagangan dan perakaunan. Kuliah dan latihan amali akan dijalankan bagi melatih bakal guru dalam teknik-teknik asas mengajar, seperti memulakan pengajaran, menyampaikan isi pelajaran, menyoal, menggunakan alat bantuan mengajar, mempelbagaikan rangsangan, menilai pembelajaran dan menyemak ujian. Aspek perancangan pengajaran seperti menulis rancangan pelajaran dan membuat perancangan jangka panjang juga akan dibincangkan. Pelbagai kaedah dan strategi mengajar seperti kaedah inkuiri, PBL, kajian lapangan, main peranan, pembelajaran koperatif dan lain-lain akan didedahkan kepada pelajar. Penerapan nilai-nilai murni dalam pengajaran akan juga dibincangkan. Konsep penggabungan dalam KBSM adalah aspek yang juga akan diberi perhatian dalam kursus ini.

PPG210E/3 General Science Teaching Methods I

The aims and purpose of science education in Malaysia will be discussed. Trainee teachers will be equipped with the knowledge and skills to teach science using methods of teaching such as inquiry, discovery, cooperative learning, role play, PBL, discussion and field study project. Micro teaching will be used as part of the procedure to train trainee teachers in teaching techniques in introduction of lesson, presentation of lesson, questioning techniques, use of teaching aids, inculcation of moral values into the lesson, evaluation of lesson and response to questions. Management of science laboratories is also given emphasis.

PGT302/2 Kemahiran Kepimpinan Guru

Kursus ini bertujuan membina ciri-ciri kepimpinan dalam diri pelajar untuk menyediakan mereka menghadapi tanggungjawab sebagai guru yang dinamik dan berpotensi membawa perubahan. Bahagian awal kursus ini akan dikendalikan dalam bentuk kuliah dan perbincangan, dan diikuti dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti-aktiviti kepimpinan yang akan dirancang. Perkembangan program latihan kepimpinan ini diasaskan kepada 4 teori sosial, iaitu "*Social Influence Theory*" (untuk meningkatkan kemahiran sosial dan kognitif), "*Social Inoculation theory*" (*teaching to appreciate colour, class, character and context as well as the need to have confidence, courage, commitment, and conflict resolution skills and appreciation for their community*), "*Social Learning Theory*" (yang menekankan keperluan menggunakan kemahiran sosial untuk menyelesaikan masalah) dan "*Cognitive Behaviour Theory*" (*to help them see the relationship between thinking and doing, behavior and consequence*). Aspek-aspek kemahiran kepimpinan yang akan ditekankan ialah: (i) *negotiation skills*, (ii) pengurusan pelbagai tingkahlaku, personaliti dan sifat manusia, (iii) kemahiran berkomunikasi dan interaksi, (iv) nilai dan etika kerja, termasuk ketaatan (*loyalty*), tanggungjawab, hormat, bermaruah, '*selfless service*', '*personal courage*', integriti dan lain-lain. Pelajar akan dinilai berdasarkan kebolehan mereka mengendalikan aktiviti-aktiviti kepimpinan dalam pendidikan.

PGT303/3 Pengantar Penyelidikan & Kajian Tindakan

Kursus terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama terdiri daripada komponen yang memberi kefahaman kepada pelajar tentang konsep asas menjalankan penyelidikan pendidikan. Kandungan kursus dalam bahagian ini meliputi pengetahuan tentang konsep asas penyelidikan dan jenis-jenisnya, proses penyelidikan, kaedah-kaedah penyelidikan sama ada secara kualitatif ataupun kuantitatif. Metodologi penyelidikan yang berkaitan dengan kedua-dua pendekatan ini juga dibincangkan. Selain itu, konsep pemboleh ubah, teknik pensampelan, pembinaan alat ukur dan analisis data secara mudah akan dibincangkan. Bahagian kedua adalah berkaitan dengan kajian tindakan: falsafah, konsep dan kepentingan kajian tindakan akan diperhalusi. Penekanan diberikan kepada tujuan kajian tindakan iaitu untuk membuat muhasabah diri guru dan memeriksa amalan kerja secara inkuiri dan sistematik. Matlamat mengamalkan kajian tindakan adalah untuk meningkatkan keberkesanan amalan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah, agar guru lebih memahami amalan yang dilakukannya dan berupaya menambahbaik situasi amalan tersebut.

Kursus ini juga akan mendedahkan pelajar tentang kronologi sejarah perkembangan kajian tindakan (di Malaysia dan global), prinsip-prinsip dan ciri-ciri kajian tindakan. Pendekatan-pendekatan menjalankan kajian tindakan juga diutarakan dengan memberi kefahaman kepada pelajar setiap peringkat dalam satu kitaran proses kajian tindakan – mengenalpasti masalah, membuat keputusan, membuat perancangan, melaksanakan tindakan, pengumpulan dan menganalisis data, membuat refleksi dan keputusan berdasarkan data yang diperolehi. Setiap peringkat ini akan dibincangkan dengan terperinci dan pemahaman dalam setiap peringkat ini akan membolehkan pelajar menjalankan projek kajian tindakan secara percubaan. Disamping itu, kursus ini juga menyentuh perbandingan antara kajian tindakan dengan kajian-kajian ilmiah yang lain. Amalan refleksi dapat mempertingkatkan perkembangan iktisad guru serta isu-isu, trend, etika dan pemasalahan dalam menjalankan kajian tindakan di sekolah dan bilik darjah.

PGT432E/3 Information and Communication Technology in Education

This course introduces the application of ICT in education. The focus will be on the principles and techniques of design, construction and evaluation of ICT teaching-learning materials, specifically interactive multimedia CAI and educational websites. At the end of this course prospective teachers will be skilled in the use of ICT to increase the quality of the teaching and learning process. Issues such as instructional design and the application of computer skills in the development of multimedia software will be discussed.

KURSUS TERAS PROGRAM

PPK 101/3 Pengantar Pendidikan Khas

Isi kursus mencakupi sejarah, falsafah, matlamat, konsep-konsep dan definisi-definisi asas dalam pendidikan khas. Bakal pendidik akan didedahkan kepada aspek-aspek keperluan khas murid daripada pelbagai kategori ketidakupayaan (*disability*) seperti masalah pembelajaran, masalah penglihatan, masalah pendengaran, masalah emosi dan tingkah laku, masalah bahasa dan komunikasi, masalah othopedik dan kesihatan serta masalah terencat akal. Pendedahan tentang pelajar pintar cerdas dan berbakat juga diberikan. Kesan daripada kecacatan itu terhadap kehidupan dan pembelajaran akan dipelajari. Isi kursus juga mencakupi program-program dan bantuan-bantuan yang disediakan bagi memenuhi keperluan khas kanak-kanak istimewa, amalan-amalan dalam pendidikan khas seperti Rancangan Pendidikan Individu (*Individualised Education Plan*) dan persekitaran pembelajaran yang sesuai untuk murid istimewa, iaitu yang paling kurang restriktif (*Least Restrictive Environment*). Perbincangan juga akan meliputi dasar-dasar serta program-program pendidikan khas di Malaysia, bantuan yang dibekalkan oleh

Kementerian Pendidikan dan badan-badan sukarela di Malaysia. Hak asasi kanak-kanak serta tanggungjawab masyarakat terhadap kanak-kanak kurang upaya juga akan dibincangkan.

PPK 102/3 Perkembangan dan Pembelajaran Insan

Kursus ini bertujuan untuk memberi kefahaman tentang perkembangan dan pembelajaran diri kanak-kanak yang berketidakupayaan (*with disability*) dari peringkat bayi hingga ke peringkat remaja. Dengan itu, bakal pendidik akan mempunyai empati terhadap keperluan dan masalah yang dihadapi oleh kanak-kanak dan remaja ini. Isi kursus meliputi huraian am tentang proses perkembangan dan pembelajaran kanak-kanak dan remaja, dengan tumpuan khas kepada kanak-kanak dan remaja yang menghadapi kelambatan dalam perkembangan (*developmental delay*) dalam pelbagai domain perkembangan psikologi. Huraian tentang ciri-ciri pelbagai jenis ketidakupayaan dari aspek perkembangan dan pertumbuhan (*developmental disorders*) kanak-kanak dan remaja keperluan khas akan dibincangkan.

PPK 201/3 Pengesanan, Diagnosis & Penilaian Kanak-Kanak

Kursus ini bertujuan memberi pengetahuan dan kemahiran tentang pendekatan-pendekatan diagnosis dan penilaian dalam pendidikan kanak-kanak dan remaja yang mempunyai keperluan khas. Pengetahuan dan kemahiran asas dalam membuat pengesanan (*screening*), diagnosis dan penilaian bagi mengenalpasti dan menentukan masalah atau ketidakupayaan kanak-kanak dan remaja adalah amat penting bagi guru-guru pendidikan khas agar rawatan dan intervensi yang sesuai dapat dirancang. Dalam kursus ini hanya penilaian yang bercorak keperluan dari segi pendidikan dan pembelajaran akan ditekankan. Beberapa penilaian yang bersifat klinikal akan dipilih dan dikemukakan. Fokus adalah kepada penilaian domain-domain yang akan mempengaruhi pembelajaran. Bakal pendidik juga akan dilengkapi dengan pengetahuan tentang prosedur-prosedur dan instrumen-instrumen yang biasa digunakan untuk menjalankan pengujian terhadap pelbagai jenis ketidakupayaan. Kedua-dua komponen teori dan amali akan ditegaskan dalam kursus ini.

PPK 221/4 Kemahiran Membaca, Menulis dan Mengira Dalam Pendidikan Khas

Kursus ini adalah untuk memberi pengetahuan dan kemahiran kepada bakal pendidik tentang konsep-konsep dan model-model terkini bagi mengajar kemahiran membaca, menulis dan mengira kepada kanak-kanak dan remaja berkeperluan khas. Pelajar akan mengkaji punca dan sebab-musabab murid-murid keperluan khas gagal atau menghadapi kesukaran menguasai kemahiran-kemahiran tersebut. Strategi pengajaran yang berbentuk '*issue-based*' atau '*problem-based*' akan dijadikan teknik pembelajaran dalam kursus ini. Bakal pendidik akan dihadapkan dengan isu atau masalah yang berkaitan dengan ketidakupayaan murid dalam membaca, menulis atau mengira untuk diselesaikan. Bakal pendidik dikehendaki merancang atau merekabentuk strategi bagi mengajar kemahiran-kemahiran tersebut kepada kanak-kanak/murid keperluan khas. Secara umum, bakal pendidik akan dilatih untuk membuat perancangan dan pengajaran melalui aktiviti-aktiviti 'hands-on' dan simulasi serta pengajaran mikro bagi mencapai kemahiran mengajar kanak-kanak khas ini.

PPK 222/4 Kemahiran Vokasional Dalam Pendidikan Khas

Kursus ini bertujuan untuk melatih bakal pendidik tentang pelbagai bidang kemahiran vokasional-teknikal yang bersesuaian dengan keupayaan pelajar keperluan khas yang boleh membantu pelajar khas ini mendapat pekerjaan. Latihan ini kemungkinan besar akan dijalankan di sekolah pendidikan khas sedia ada yang berdekatan. Selain itu mereka juga akan dilengkapi dengan pengetahuan untuk merekabentuk pengajaran bagi memenuhi keperluan pendidikan, sosial dan fizikal pelajar khas ini. Bakal pendidik diberikan pengalaman pembelajaran yang akan membantu mereka mengendalikan pengajaran murid keperluan khas dengan sempurna bagi mencapai kemahiran-kemahiran seperti kemahiran domestik, mengurus diri, tempat kerja dan

industri. Selain itu, bakal pendidik akan diberi latihan untuk menilai dan memantau perkembangan murid. Mereka juga dikehendaki berkebolehan untuk merunding dan mewujudkan perhubungan dengan industri dan bakal majikan murid yang akan tamat latihan/persekolahan kelak. Pengetahuan ini juga berguna kepada bakal pendidik bagi membantu ibubapa mengenal pasti dan mencari pekerjaan untuk kanak-kanak keperluan khas.

PPK 223/4 Kemahiran Hidup Dalam Pendidikan Khas

Kursus ini bertujuan untuk menyediakan bakal pendidik dengan kaedah mengajar pelbagai kemahiran hidup yang diperlukan oleh pelajar-pelajar berkeperluan khas dalam kehidupan seharian mereka supaya mereka akan lebih berdikari. Kemahiran-kemahiran ini merangkumi kemahiran dari pelbagai aspek keperluan peribadi, seperti penjagaan kebersihan diri dan kesihatan tubuh badan, pemakanan, tidur, rehat, rekreasi dan sebagainya. Kemahiran pergerakan fizikal (untuk mengembangkan kemahiran motor kasar dan motor halus), seperti bersenam, berenang, bersukan, bermain alat-alat muzik dan lain-lain dijuga diberi perhatian. Kemahiran sosial untuk berinteraksi dan bergaul dengan masyarakat juga akan diberikan penekanan.

PPK 290/2 Internship I

Objektif utama Internship I adalah untuk memberi pendedahan awal dan pengalaman sebenar (*field experience*) kepada bakal pendidik. Bakal pendidik akan ditempatkan dalam program-program pendidikan khas yang sesuai dengan bidang tumpuan mereka selama satu bulan (4 minggu). Semasa menjalankan internship, bakal pendidik dikehendaki membuat pemerhatian, membantu dan melibatkan diri dalam program-program yang dijalankan supaya mereka akan mendapat pengalaman yang sesuai. Pelajar akan menjalankan kajian di bawah bimbingan pensyarah pendidikan khas (*directed study*). Bakal pendidik diberi peluang mengkaji ciri-ciri diagnostik ketidakupayaan pelajar mereka dan bagaimana mengurus dan mengajar pelajar-pelajar tersebut. Bakal pendidik akan bertugas sebagai guru pembantu (*teaching assistant*) kepada guru-guru pendidikan khas dalam program-program tersebut. Di akhir internship, bakal pendidik akan mempunyai kefahaman tentang peranan guru pendidikan khas.

PPK 331E/4 Technology and Innovation for Special Education

This course aims to introduce current and new concepts and practices in the planning, organization and implementation of supporting activities for the teaching-learning process of special needs children in both inclusive education settings as well as in special education schools. The prospective educators in this course will examine the development of various assistive and adaptive technology devices and services which are used to enhance the functional capabilities of the special needs students. The syllabus will cover low technology as well as high technology devices. The prospective educators will also be able to assess the use of appropriate assistive technology for the various categories of disabilities, and source or develop the said resources to fulfill the needs of their students to enable learning, socialization and physical engagement. Besides assistive technology, other innovations in special education curricula such as universal design for learning will be discussed.

PPK 332/4 Pendidikan Khas Peringkat Awal Kanak-kanak

Kursus ini memberi pengetahuan tentang kepentingan memulakan program pendidikan khas di peringkat awal kanak-kanak lagi iaitu di peringkat umur 3-12 tahun. Rasional, ciri-ciri, model dan program-program intervensi awal bagi kanak-kanak yang mempunyai keperluan khas akan dibincang dan diuraikan dalam kursus ini. Tajuk-tajuk lain termasuklah teknik pengesanan dan

penilaian perkembangan kanak-kanak prasekolah; isu-isu dalam penilaian awal; penglibatan ibubapa dan professional lain dalam program, perancangan dan pelaksanaan kurikulum; proses

pengajaran-pembelajaran untuk meningkatkan kemahiran dalam pelbagai domain perkembangan kanak-kanak, peralihan dari prasekolah (tadika) ke sekolah biasa, dan penilaian program. Aspek-aspek lain yang dicakupi ialah teknologi bantuan dan suaian, strategi intervensi untuk kanak-kanak keperluan khas, kerjasama dengan ibu bapa, keluarga dan ahli profesional.

PPK 333E/3 Music, Art and Physical Education Therapy

This course aims to introduce the use of various techniques such as music, art, drama, creative movement and physical movement therapy to reduce stress or feelings of disappointment, as well as, other negative emotions amongst special needs children. Indeed it has been proven through research, these forms of therapy have succeeded in reducing frustration amongst special needs children and encouraged a more holistic development for the child. Music therapy is where a musical program is used as a medium for special needs children to master language, learn prosocial behavior, develop communication skills and their self-concept, control emotions, etc. Music therapy is also used to facilitate positive changes in human behavior. This is done through singing, playing of musical instruments, moving with music (dance), listening to and producing music. Art therapy is focused on the use of drawing for self-disclosure, and prospective teachers will be taught the different ways of evaluating children's art works. Physical and expressive arts therapy combines the 5 arts disciplines to assist the children to explore their selves. It brings the child to both real and imagined situations which can provide a remedy/therapy to the special needs child who frequently experiences feelings of frustration, sadness, misery and isolation. With this knowledge, the prospective teacher will be able to help the special needs child to experience a more meaningful and positive life.

PPK 334/4 Pengurusan Masalah Emosi Dan Tingkahlaku Kanak-kanak Keperluan Khas

Kursus ini mempersembahkan teori dan model masalah emosi dan tingkah laku dan kaitan teori kepada teknik/ aplikasi yang terlibat dalam pengurusan tingkah laku pelajar berkeperluan khas. Isi kursus merangkumi definisi masalah emosi dan tingkah laku kanak-kanak berkeperluan khas; faktor penyebab; cara menganalisis masalah emosi dan tingkah laku untuk memahami tingkah laku pelajar khas. Penekanan akan diberi kepada strategi-strategi intervensi berasaskan teori yang dapat mengurangkan masalah tingkah laku dan emosi negatif, di samping meningkatkan tingkah laku dan emosi yang positif.

PPK 335/3 Masalah Bahasa dan Komunikasi

Prinsip yang dipegang dalam kursus ini ialah, "*not being able to speak is not the same as not having anything to say*". Berasaskan konsep ini bakal pendidik dikehendaki memahami cara-cara menggalakkan kanak-kanak keperluan khas berkomunikasi dan menggunakan bahasa untuk berinteraksi. Mereka akan didedahkan kepada definisi serta cara mengenalpasti pelajar-pelajar yang mempunyai masalah ini. Kaedah-kaedah intervensi berasaskan teori yang sesuai untuk menolong pelajar-pelajar tersebut memperoleh kemahiran berbahasa dan berkomunikasi seperti terapi pertuturan diberi penekanan. Bakal pendidik juga akan didedahkan kepada prinsip dan praktik komunikasi aukmentatif dan alternatif (*augmentative and alternative communication*.)

PPK 390/6 Internship II

Internship II adalah lanjutan kepada pengalaman sebenar (*field experience*) semasa Internship I, tetapi dalam latihan peringkat kedua ini, bakal pendidik perlu memberi tumpuan yang lebih kepada proses pengajaran dan pembelajaran pelajar-pelajar berkeperluan khas. Bakal pendidik akan menjalani praktikum di mana mereka dikehendaki mengajar pelajar-pelajar berkeperluan

khas dalam bidang tumpuan mereka semasa semester ketujuh. Mereka dikehendaki mengaplikasi kemahiran mengajar menggunakan teknik-teknik yang sesuai ke dalam situasi sebenar,

misalnya menggunakan sistem braille dalam proses pengajaran pembelajaran bagi bakal guru pendidikan khas masalah penglihatan, menggunakan sistem kod tangan dalam proses pengajaran pembelajaran bagi bakal guru pendidikan khas masalah pendengaran, menggunakan strategi yang sesuai dalam proses pengajaran pembelajaran bagi mengajar murid yang bermasalah pembelajaran. Penekanan juga diberi kepada aplikasi pedagogi pengajaran untuk meningkatkan kemahiran akademik pelajar berkeperluan khas dalam sesuatu bidang akademik atau mata pelajaran akademik. Di samping itu, bakal pendidik juga akan terlibat dalam proses mempertingkatkan kemahiran bukan akademik pelajar seperti kemahiran pergerakan fizikal, kemahiran emosi dan tingkah laku serta kemahiran sosial pelajar.

PPK 211/4 Masalah Pembelajaran

Kursus ini memberi tumpuan kepada isu-isu berhubung dengan pengesanan, pengukuran dan penyelesaian masalah-masalah pembelajaran. Kursus ini akan merangkumi semua kategori masalah pembelajaran iaitu masalah pembelajaran jenis neuropsikologikal/developmental dan juga masalah pembelajaran jenis akademik. Pelajar kursus akan didedahkan kepada masalah komunikasi dan bahasa, masalah kemahiran akademik serta masalah tingkah laku, seperti *Attention Deficit Hyperactive Disorder (ADHD)*, *Dyslexia*, *Dyspraxia-Apraxia*, *Hyperlexia*, Down Sindrom dan autisme. Isi kursus meliputi perkara-perkara seperti memahami masalah-masalah yang dihadapi oleh murid, hubungan antara masalah pembelajaran dan masalah-masalah lain yang dialami oleh murid dari segi emosi, tingkah laku dan sebagainya. Juga dibincangkan ialah penyelidikan-penyelidikan tentang keberkesanan strategi intervensi yang dapat membantu murid yang mengalami masalah-masalah pembelajaran tersebut, dan kesan-kesan positif dari segi akademik serta dari segi lain. Peranan ibu-bapa, rakan sebaya dan pendidik dibincangkan.

PPK 212/4 Masalah Pendengaran

Tujuan kursus ini adalah untuk memperdalamkan pengetahuan bakal pendidik tentang keperluan kanak-kanak bermasalah pendengaran. Isi kursus meliputi definisi masalah pendengaran dan pengetahuan mengenai anatomi dan fisiologi telinga serta perkara-perkara yang menyebabkan kecacatan pendengaran. Kesan kecacatan terhadap perkembangan dan pembelajaran murid juga dipelajari. Kursus ini juga meninjau teori pengajaran pertututan dan membincang komunikasi keseluruhan yang boleh digunakan untuk murid-murid yang bermasalah pendengaran. Perbincangan meliputi Kaedah 'oral-aural', Sistem Isyarat Tangan dan ejaan dengan jari (*finger spelling*). Penekanan adalah diberikan kepada kemahiran berkomunikasi dalam konteks pembelajaran dan dalam perhubungan sosial. Penggunaan teknologi bantuan untuk mempertingkatkan pendengaran dan untuk meningkatkan penglibatan pelajar dalam pembelajaran akan dibincangkan. Program perkhidmatan seperti program 'outreach' akan turut dibincangkan. Perbincangan juga akan menyentuh cara-cara membantu pelajar bermasalah pendengaran menyesuaikan diri dalam bilik darjah. Peranan keluarga serta isu peralihan dari sekolah ke komuniti akan dibincangkan.

PPK 213/4 Masalah Penglihatan

Kursus ini bertujuan untuk memperdalamkan pengetahuan bakal pendidik tentang keperluan pelajar bermasalah penglihatan (*blind and low vision*). Isi kursus meliputi definisi masalah penglihatan dan pengetahuan mengenai anatomi dan fisiologi mata serta perkara-perkara yang menyebabkan kecacatan penglihatan. Pengesanan dan intervensi awal dibincangkan. Kesan kecacatan terhadap perkembangan kognitif, sosial, bahasa dan komunikasi dibincangkan.

Implikasi masalah penglihatan kepada pendidikan diberi tumpuan, terutamanya keperluan komunikasi alternatif untuk pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah seperti system

braille. Kemahiran orientasi dan mobiliti serta kemahiran hidup berdikari untuk pelajar masalah penglihatan dibincangkan. Bakal pendidik juga akan didedahkan kepada teknologi bantuan yang dapat menolong pelajar masalah penglihatan dalam proses pengajaran-pembelajaran serta dalam kehidupan seharian. Pendedahan juga diberi tentang pelajar pekak-buta (*deaf-blind*). 'Braille literacy curriculum' akan diperkenalkan. Peranan keluarga, program perkhidmatan serta isu peralihan dari sekolah ke komuniti juga dibincangkan.

PPK 311/3 Pendekatan Pengajaran Pelajar Bermasalah Pembelajaran

Kaedah-kaedah mengajar murid bermasalah pembelajaran akan diperkenalkan kepada bakal pendidik supaya mereka akan dapat merancang pengajaran yang sesuai berdasarkan kepada kelemahan dan kekuatan pelajar mereka. Kaedah seperti pengajaran eksplisit, pengajaran *direct*, pengajaran *scaffolding* dan penggunaan strategi metakognitif untuk menyokong kurikulum seperti strategi *mnemonics* akan diajarkan kepada bakal pendidik. Penekanan akan diberikan kepada intervensi yang sesuai untuk memperkembangkan kemahiran membaca, menulis, mengeja dan mengira serta teknik untuk memperkembangkan kemahiran bukan akademik seperti pengurusan tingkah laku dan emosi. Latihan melalui pengajaran mikro dan pengajaran simulasi akan dijalankan sepanjang kursus. Selain itu pelajar akan dikehendaki mencerap pengajaran dari video rakaman dan membuat refleksi.

PPK 312/3 Pendekatan Pengajaran Pelajar Bermasalah Pendengaran

Dalam kursus ini bakal pendidik akan diajar tentang kaedah-kaedah mengajar murid bermasalah pendengaran. Kaedah utama ialah menggunakan bahasa isyarat. Pelajar dikehendaki mempelajari bahasa isyarat tangan, iaitu Kod Tangan Bahasa Malaysia dan Kod Tangan Bahasa Inggeris. Perbincangan lanjutan tentang sistem isyarat tangan, kaedah oral-aural (gerak bibir), pertuturan dan penulisan serta kaedah pengajaran yang sesuai untuk pelajar bermasalah pendengaran diadakan. Pelajar juga dikehendaki mengajar subjek akademik kepada murid bermasalah pendengaran. Latihan melalui pengajaran mikro dan pengajaran simulasi akan dijalankan sepanjang kursus. Selain itu pelajar akan dikehendaki mencerap pengajaran dari video rakaman dan membuat refleksi. Bakal pendidik perlu merancang teknik serta alat-alat teknologi bantuan yang sesuai untuk membolehkan pengajaran berlaku dengan berkesan. Mereka juga akan dilengkapi dengan pengetahuan menilai pembelajaran murid.

PPK 313/3 Pendekatan Pengajaran Pelajar Bermasalah Penglihatan

Dalam kursus ini bakal pendidik akan diajar tentang kaedah-kaedah mengajar murid bermasalah penglihatan. Bakal pendidik akan diajar membaca dan menulis braille. Kod Braille Bahasa Malaysia, Kod Braille Bahasa Inggeris, serta Kod Braille Matematik dan Sains diberi penekanan supaya bakal pendidik akan dapat membantu pelajar bermasalah penglihatan membina kemahiran menggunakan sistem komunikasi ini. Bakal pendidik juga dikehendaki mengajar subjek akademik kepada murid bermasalah penglihatan. Latihan melalui pengajaran mikro dan pengajaran simulasi akan dijalankan sepanjang kursus. Selain itu bakal pendidik akan dikehendaki mencerap pengajaran dari video rakaman dan membuat refleksi. Bakal pendidik perlu merancang teknik serta mengguna alat-alat teknologi bantuan yang sesuai untuk membolehkan proses pengajaran-pembelajaran berlaku dengan berkesan. Mereka juga akan dilengkapi dengan pengetahuan menilai pembelajaran murid. Selain itu, bakal pendidik juga akan didedahkan kepada kemahiran orientasi dan mobiliti serta kemahiran hidup berdikari.

PPK 431/4 Masalah Disleksia

Bakal guru akan didedahkan kepada teori dan praktik untuk mengesan pelajar-pelajar disleksia dan untuk merancang pengajaran pemulihan yang sesuai. Penekanan akan diberi kepada kaedah pengajaran yang sesuai untuk memperkembangkan kemahiran membaca, menulis, mengeja dan mengira. Bakal pendidik akan didedahkan kepada pengajaran berbentuk multi-sensori (*multi-sensory teaching methods*) dan pengajaran foniks (*phonics*) yang didapati sesuai untuk mengajar pelajar disleksia. Bakal pendidik juga akan diajar tentang kaedah pengajaran spesifik yang digunakan khas untuk pelajar disleksia seperti *Orton-Gillingham Method* dan *Davis Program*. Penggunaan teknologi maklumat untuk menolong pelajar-pelajar disleksia akan diberi tumpuan sebab penggunaan teknologi didapati sangat berkesan untuk menolong pelajar-pelajar tersebut. Kesan bukan akademik sebagai akibat masalah disleksia juga akan dibincangkan. Intervensi alternatif bukan akademik juga akan dibincangkan.

PPK 432/3 Kanak-kanak Terencat Akal

Bakal pendidik akan mempelajari tentang pelbagai kategori kanak-kanak terencat akal (*cognitive disabilities, Down syndrome, cerebral palsy, epilepsy, dan mental retardation*); definisi dan ciri-ciri; sebab berlakunya terencat akal; penilaian untuk mengenalpasti kanak-kanak tersebut; kaedah pengajaran yang sesuai; strategi-strategi pengajaran seperti analisis tugas (*task analysis*) dan maklumbalas sistematik (*systematic feedback*) yang didapati berkesan untuk meningkatkan pembelajaran pelajar-pelajar tersebut. Program perkhidmatan yang diberi kepada kanak-kanak ini juga dibincangkan. Peranan ibu bapa juga diutamakan.

PPK 433/3 Pelajar Pintar Cerdas dan Berbakat

Bakal pendidik akan diberi pengetahuan mengenai konsep dan definisi kanak-kanak pintar cerdas dan berbakat; teori-teori kecerdasan seperti teori kepelbagaian kecerdasan (*multiple intelligence*); *nature and nurture*, kecerdasan dan bakat; penilaian untuk mengenalpasti kanak-kanak tersebut; model pengajaran dan praktik merancang serta mengimplementasi strategi-strategi untuk mengembangkan kecerdasan murid pintar cerdas dan berbakat ini; mengubahsuai dan memadankan kurikulum dan pengajaran dengan keperluan murid dalam kategori ini; membina persekitaran yang sesuai dan kondusif untuk mereka; dan mengenali gaya belajar serta minat mereka. Aspek-aspek seperti *transfer and transition* dari satu peringkat ke peringkat pendidikan yang lebih tinggi juga dibincangkan.

PPK 434/3 Masalah Fizikal Dan Keperluan Kesihatan

Bakal pendidik akan mempelajari tentang pelbagai jenis masalah fizikal dan masalah kesihatan yang dihadapi oleh murid keperluan khas. Melalui kursus ini bakal pendidik diharap dapat memahami cara-cara mengurus kelas dengan lebih baik dengan mengambilkira aspek-aspek keperluan fizikal serta kesihatan murid. Aspek penjagaan kesihatan murid yang bermasalah ini adalah amat penting di sekolah pendidikan khas, dan semua aktiviti pembelajaran adalah bergantung kepada kemampuan kesihatan murid. Komplikasi kesihatan yang ada pada murid tersebut, seperti *asthma* dan *food allergies* akan dibincangkan. Bakal pendidik juga akan

didedahkan kepada penggunaan teknologi bantuan dan suaian untuk menolong murid-murid khas ini berdikari.

PPK 435/4 Kaunseling Keluarga Kanak-kanak Khas

Kursus ini bertujuan meningkatkan kemahiran berkomunikasi bakal pendidik dengan keluarga pelajar berkeperluan khas untuk mengujudkan hubungan dan jalinan kerjasama (*partnership*) yang dapat menolong murid-murid tersebut. Selain itu, bakal guru akan mempelajari proses bimbingan dan kaunseling untuk ahli-ahli keluarga murid berkeperluan khas. Kesan ketidakupayaan murid terhadap keluarga mereka dan beban penjagaan turut dibincangkan. Bakal pendidik juga akan mempelajari tentang tingkah laku normal dan tak normal dalam kelakuan manusia; punca variasi tingkah laku dan masalah yang dihadapi oleh kanak-kanak; prinsip-prinsip perubahan kelakuan; aplikasi konsep-konsep bantuan dalam pendidikan khas dan keadaan-keadaan terapeutik akan dapat menolong pelajar-pelajar keperluan khas dan ahli keluarga mereka. Model kerjasama antara guru dan keluarga untuk kesinambungan pengajaran diberi penekanan.

PPK 436/3 Seminar Isu-isu Pendidikan Khas

Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran bakal pendidik tentang isu-isu dalam bidang pendidikan khas supaya mereka memperoleh pengetahuan dan sikap yang sesuai untuk memberi bantuan kepada pelajar yang dikenalpasti sebagai yang memerlukan tumpuan/ bimbingan khas. Bakal pendidik akan meninjau perspektif berlainan tentang isu-isu dalam pendidikan khas. Isu kritikal tentang reformasi pendidikan khas dan pendidikan inklusif untuk semua pelajar berkeperluan khas akan diberi penekanan. Isu-isu seperti perancangan kurikulum untuk keperluan individu; perancangan bantuan khas; pengklasifikasian kanak-kanak kepada pelbagai kategori kecacatan; kajian dalam pendidikan khas; perundangan dan *advocacy*; peralihan ke alam pekerjaan serta isu-isu lain akan dibincangkan oleh bakal pendidik dalam seminar ini.